

30 AUG 1998

NAM-Mahathir

ABDULLAH WAKILI DR MAHATHIR KE SIDANG KEMUNCAK NAM

DURBAN, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia yakin bahawa kerajaan Afrika Selatan akan memahami keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NANM) di sini mulai Rabu.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk N. Parameswaran berkata Kuala Lumpur berharap bahawa sebagai penganjur sidang kemuncak, Pretoria akan menerima keputusan Dr Mahathir.

"Ia harus diterima," kata beliau kepada wartawan Malaysia pada taklimat mengenai mesyuarat para pegawai kanan NAM selama dua hari yang bermula di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata di Kuala Lumpur semalam bahawa beliau tidak dapat menghadiri sidang kemuncak itu kerana keletihan selepas siri lawatan ke seluruh negara untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai masalah kewangan dan ekonomi negara.

Parameswaran berkata negara-negara anggota NAM menerima hakikat bahawa keadaan seperti itu boleh berlaku

Beliau berkata ada juga para pemimpin NAM lain yang membatalkan penyertaan mereka pada saat terakhir seperti Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed.

"Perdana Menteri telah membuat semua persiapan untuk datang ke Afrika Selatan. Beliau berada di sini baru-baru ini. Kita mempunyai hubungan yang kukuh dengan Afrika Selatan," kata beliau.

Parameswaran berkata tiada reaksi negatif terhadap keputusan Dr Mahathir tidak menghadiri sidang kemuncak itu.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memaklumkan kepada Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela bahawa Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Durban.

Perdana Menteri memberitahu perkara ini kepada Mandela dalam surat yang diserahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Pretoria Datuk Abdul Kadir Din kepada Kementerian Luar Afrika Selatan, kata beliau.

"Abdullah akan mewakili Malaysia (pada sidang kemuncak itu)," kata Parameswaran.

Beliau berkata Abdullah akan menyampaikan ucapan perdana menteri pada sidang kemuncak itu. Beliau dijangka tiba hari ini.

Ucapan Dr Mahathir yang memang ditunggu-tunggu dijangka berkisar kepada krisis kewangan dan ekonomi.

Sidang kemuncak itu akan dihadiri oleh lebih 40 ketua negara dan kerajaan. NAM yang dibentuk pada 1961 mengandungi 113 negara membangun.

Mengenai mesyuarat hari ini, Parameswaran berkata para pegawai kanan bersetuju untuk mencadangkan kemasukan Belarus sebagai anggota ke-114 pergerakan itu.

Mengenai perlucutan senjata, beliau berkata India, Pakistan dan Afrika Selatan akan merumuskan teks mengenai isu itu untuk dimasukkan dalam dokumen rasmi sidang kemuncak.

Parameswaran juga berkata Sudan telah memberi notis bahawa ia akan mencadangkan supaya sidang membincangkan serangan Amerika ke atas negara itu baru-baru ini.

Mengenai krisis kewangan Asia, beliau berkata ia akan menjadi isu penting walaupun terdapat laporan bahawa ia kurang diberi tumpuan berikutan kejadian letupan bom di beberapa negara Afrika baru-baru ini.

-- BERNAMA

ES FAZ